

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN
HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 22.11.2016

NO. SOALAN : 7

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilakah pelaksanaan semula
pembinaan Fasa 2 untuk Jalan Meritam / Telahak /
Buangabai / Pengkalan Rejab / sungai Poyan dan
nyatakan status terkini pembinaan jalan tersebut.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang berjaya bagi Projek Jalan Meritam / Telahak / Buangabai / Pengkalan Rejab (Fasa II), Bahagian Limbang, Sarawak telah dikeluarkan pada 21 November 2016. Projek ini akan mengambil tempoh selama 6 bulan yang dijangka bermula pada awal Disember 2016 dan dijangka siap pada penghujung Mei 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 14

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah langkah-langkah segera Kementerian, susulan dapatan maklumat Pasukan Penyiasat Bersama, bahawa MH17 telah ditembak jatuh dengan peluru berpandu yang telah dibawa dari Rusia dan apakah tindakan undang-undang yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh MH17.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan daripada laporan interim siasatan jenayah nahas pesawat MH17 yang dikeluarkan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) pada 28 September 2016, pihak JIT yang diterajui oleh Belanda dan disertai oleh Malaysia, Australia, Belgium dan Ukraine sedang meneruskan siasatan ke atas pelaku-pelaku jenayah nahas tersebut. Oleh yang demikian, sebarang tindakan yang akan diambil hanya akan diputuskan setelah siasatan berhubung nahas pesawat MH17 selesai dan setelah mendapati keterangan yang mencukupi untuk membawa pelaku atau pelaku-pelaku jenayah ke muka pengadilan.

Berhubung tindakan undang-undang terhadap mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh MH17 pula, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT sedang meneruskan perbincangan bagi 2 opsyen pendakwaan yang telah dikenal pasti iaitu pendakwaan di peringkat nasional oleh salah satu negara anggota JIT dan pendakwaan oleh suatu tribunal antarabangsa yang diwujudkan khas oleh negara anggota JIT bagi membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan. Walau bagaimanapun, keputusan antara kedua-dua opsyen tersebut adalah bergantung kepada hasil siasatan jenayah kelak. Malaysia akan bersama-sama dengan negara-negara lain dalam JIT, mengambil tindakan terhadap pihak yang menyebabkan nahas ini berlaku.